

28/08/1997

100 syarikat sertai pameran

LEBIH 100 syarikat dijangka menyertai Pameran dan Persidangan Multimedia Asia '97 (MMA '97) yang akan diadakan di Mines Resort selama empat hari bermula 16 September ini.

Pameran antarabangsa itu akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan menyampaikan ucap-tama mengenai Menggerakkan MSC daripada wawasan kepada Realiti - Mengukur Aras Penyelesaian Pintar," yang juga menjadi tema pameran dan persidangan terbabit.

Pameran itu diatur oleh Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) dan dianjurkan bersama antara Mimos Bhd, Miller Freeman Sdn Bhd, Multimedia Development Corporation Sdn Bhd dan Putrajaya Holdings Sdn Bhd.

Di antara peserta pameran itu adalah Celcom, Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan Bernama.

Setiausaha kekal NITC, Datuk Dr Tengku Azzman Shariffadeen berkata acara itu akan menumpukan kepada bahagian perisian dan aplikasi multimedia serta telekomunikasi.

"Walaupun jumlah peserta agak kecil tetapi kami lebih mementingkan mutu daripada kuantiti," kata Tengku Azzman sambil menambah acara itu dijangka akan menarik lebih 20,000 pelawat daripada dalam dan luar negara. - Bernama

(END)